



Isytihar Harta yang ada di dalam atau di luar Malaysia

## JENIS HARTA YANG PERLU DI ISYTIHAR

### HARTA ALIH



Kenderaan



Saham



Lesen /  
Permit Perniagaan



Wang Tunai



Barangan Kemas  
> 6 bulan emolumen/  
RM 10,000.00

### HARTA TIDAK ALIH



Tanah



Kediaman  
Rumah, Pangasapuri,  
Kondominium



Bangunan  
Rumah Kedai, Pejabat,  
Warung

Alamak kau ni,  
nampak aje kan..haha...  
Ya, nanti aku isytihar

Man, aku nampak  
semalam kau drive  
kereta baru..dapat bonus  
terus beli kereta baru  
ya?...jangan lupa nanti  
isytihar!

Kau patutnya  
sebelum tamat tempoh  
5 tahun tu kau dah kena  
isytihar semula. Kalau tak,  
boleh kena tindakan  
tatatertib tau!

Atan, aku dah  
lebih 5 tahun dah tak  
isytihar harta, patutnya  
aku kena isytihar semula  
ke tak?



# SOALAN LAZIM



**Q** **Apakah kesan sekiranya saya tidak membuat Perisytiharan Harta?**

**A** Pegawai boleh dituduh melanggar Peraturan Perisytiharan Harta Sepertimana yang Terkandung dalam Peraturan 9, Akta 605 - Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000

**Q** **Adakah terdapat kesan kepada saya sebagai Ketua Jabatan jika tidak memantau mana-mana pegawai yang didapati tidak membuat Perisytiharan Harta?**

**A** Seseorang Ketua Jabatan yang tidak menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya, atau tidak mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan telah cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, dan Ketua Jabatan boleh dikenakan tindakan tatatertib.



**Q** **Adakah saya perlu mengisytiharkan harta di atas nama pasangan saya?**

**A** Berdasarkan Peraturan 9, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) telah menetapkan apa-apa harta, sama ada harta alih atau harta tak alih, yang pegawai itu dikehendaki dari semasa ke semasa oleh Lembaga supaya mengisytiharkannya, iaitu harta yang telah diperolehi oleh pegawai itu melalui pembelian, pemberian, pewarisan atau cara lain, dan termasuk harta yang diperolehi atau dipegang oleh isteri atau suami atau anak pegawai.

